



# WARISAN

## Warisan

KDN 7890



KELUARAN 16 1992  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

---

## KANDUNGAN

---

## Muka Surat

---

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | Laporan Lawatan PSMCNS ke Sumatera Barat  | 6 - 10  |
| 2. | Pelabuhan Pengkalan Kempas  | 11 - 18 |
| 3. | Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan | 19 - 31 |
| 4. | Sistem Bersuku-Suku Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan                        | 32 - 46 |
| 5. | Tokoh Guru/Politik Negeri Sembilan Dan Kebangsaan Haji Mohd. Yusof Bin Badin      | 47 - 51 |
| 6. | Sejarah Serangan P.K.M. Ke Atas Balai Polis Simpang Pertang, Jelebu               | 52 - 64 |
| 7. | Istiadat Perkahwinan di Rembau (Secara Beradat- Adat Perpatih)                    | 66 - 74 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
SPNS., PSM., DSNS., PMC.

*Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.*

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
**PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN.**

فجابه منتري بسر  
نكري سـمـبـيلـن  
دارالخصوس



**MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

**KATA-KATA ALUAN.**

*Rakaman penghargaan saya tujukan kepada Sidang Redaksi Jurnal Warisan kerana terus memperlihatkan keupayaannya menerbitkan makalah periodical ini bagi kali yang ke 16.*

*Dengan kekayaan sejarah yang dimiliki sejak zaman berzaman lagi, maka sudah sewajarnya kerja-kerja pembukaan dan penerbitan secara umumnya disempurnakan oleh kita semua untuk tatapan generasi mendatang.*

*Jurnal Warisan sebagai penghebah fakta sejarah negeri akan terus mendapat perhatian masyarakat ramai khususnya para pengkaji dan penyelidik sejarah kerana ia akan menjadi salah satu bahan pedoman yang berguna di tahun-tahun akan datang.*

*Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar bagi kita semua untuk mengkhususkan tanggungjawab ini dengan cara yang paling efektif untuk membolehkan penghayatan sejarah itu berjalan dengan amat sempurna.*


*Inilah satu-satunya usaha paling murni di kalangan kita semua untuk terus membuka penglihatan dan pemikiran generasi hari ini ke arah pemupukan dan penghayatan nilai-nilai sejarah negeri dan negara yang lebih bererti lagi.*

Salam hormat,

**(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ. MOHD. ISA  
BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD.)**



PEJABAT PENGARAH PENDIDIKAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
70604 SEREMBAN.  
TEL: 06-724337 FAX: 06-739969



### KATA-KATA ALUAN

*Syukur Alhamdulillah, sekali lagi Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan berjaya diterbitkan. Syabas kepada Sidang Redaksi dan kepada semua yang terlibat dalam kelahiran ini.*

*Seperti di masa-masa lalu, kemunculan jurnal ini adalah sebagai penyimpul kepada urutan dan cebisan sejarah zaman silam untuk bahan tatapan generasi masakini. Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.*

*Untuk Warisan Keluaran Yang ke 16 ini satu ruang 'Lorekan Remaja' telah diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memupuk dan memperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan di kalangan pelajar-pelajar.*

*Peranan Sejarah dalam melahirkan warga setia dan cintakan tanahair tidak dapat dinafikan. Justru itu Kementerian Pendidikan telah mengatur langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan mata pelajaran Sejarah dalam perspektif yang betul dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kini.*

*Sayugia itu saya menyeru guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah untuk memainkan peranan masing-masing.*


*Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'WARISAN' keluaran ini. Seterusnya Warisan memerlukan sokongan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan Sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.*

Sekian

(HAJI SA'ARI BIN HASAN)  
Pengarah Pendidikan, N. S. D. K.  
Merangkap,  
Pengerusi Jawatankuasa Kerja PSM,  
Cawangan Negeri Sembilan.



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
d/a Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Seremban.



**Dari Meja Pengarang**

*Syukur Alhamdulillah, sekali lagi "Warisan" dapat dikeluarkan untuk Kali ke 16. Dengan sokongan kuat daripada semua pihak terutama Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Ahli-ahli sidang Redaksi, tokoh-tokoh Penulis Sejarah Negeri Sembilan dan semua Sejarawan Tempatan yang sama-sama memberi sokongan kepada penerbitan "Warisan" kali ini.*

*Selaras dengan perubahan dan perkembangan zaman untuk menuju satu cita-cita murni bangsa dan negara ke arah abad ke 21 yang lebih cemerlang dan mencabar, maka "Warisan" memainkan peranan yang lebih besar dalam mengisi dan membina generasi baru Malaysia supaya generasi ini peka dan menjadikan Sejarah sebagai landasan utama untuk meniti ke arah mercu kejayaan dan pembinaan bangsa yang seimbang dari segi pengetahuan, rohani, jasmani supaya dapat melahirkan generasi yang bertakwa, harmonis dan pewaris bangsa yang dapat dibanggakan.*

*Untuk itu "Warisan" akan terus wujud dan kekal sebagai media penyambung warisan bangsa.*

*Terima Kasih.*

**MOHD HISA BIN TAHAT**  
Ketua Pengarang.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
1991 - 1992**

**Yang DiPertua**

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato Haji Abdul Samad,  
SPNS., PSM., DSNS, PMC.  
(Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus)

**Naib Yang DiPertua**

Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS  
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus)

**Setiausaha Kehormat**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

**Penolong Setiausaha Kehormat**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman PJK

**Bendahari**

Encik Tilak Raj Sharma PJK.

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., ANS., PJK.  
Encik Zainal Abidin bin Haji Mohd Yusof PBB., PMC.  
Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.  
Prof. Norhalim bin Haji Ibrahim  
Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

**Sidang Redaksi Warisan ke 15:**

**Pengerusi**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat

**Editor**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi  
Puan Hajjah Zaini Omar  
Tuan Haji Misan bin Mastor  
Encik Zulkapli Othman

**Setiausaha**

Encik Mahadi Abdul Rahman.



## **TOKOH GURU/POLITIK NEGERI SEMBILAN DAN KEBANGSAAN: HAJI MOHD. YUSOF BIN BADIN.**

*Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang-cabang  
Hancur badan dikandung tanah,  
Jasa baik tetap dikenang.*

Negeri Sembilan, sebuah negeri adat Perpatih, tidak ketinggalan melahirkan banyak tokoh terutama dalam bidang politik, sastera, budaya pendidikan, bahasa, adat, dan sebagainya. Antaranya termasuk seorang yang bernama Haji Mohd. Yusof bin Badin.

Haji Mohd. Yusof merupakan seorang tokoh guru bukan saja di peringkat Negeri Sembilan, malah terpilih sebagai tokoh guru peringkat nasional pada tahun 1981.

Beliau dilahirkan pada 15 April, 1916, di Kampung Jelebu, Lenggeng, Negeri Sembilan. Pendidikan awal beliau ialah di sebuah Sekolah Melayu di Bongek, Rembau sehingga darjah 5, kemudian belajar di sekolah itu juga bagi meneruskan kursus atau kelas tambahan sehingga lulus "Special Post Standard Five", iaitu satu tahap kelulusan yang terdapat pada masa itu.

Lebih kurang pada tahun 1933, beliau berpeluang mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris (Sekarang Institut Pendidikan Sultan Idris, IPSI), Tanjung Malim dan lulus pada tahun 1935.

Setelah tamat pengajian di maktab tersebut, Hj. Mohd. Yusof ditugaskan menjadi guru di Sekolah Melayu Ulu Klawang dan Pelangai Negeri Sembilan. Seterusnya ialah di Juaseh (Kuala Pilah), Temiang (Seremban), dan di Lenggeng.

Pada tahun 1956 hingga 1971, beliau telah menjawat jawatan Guru Besar di beberapa buah sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan Teluk Kemang, Port Dickson, Sekolah Kebangsaan Mantin, dan akhir sekali di Sekolah Kebangsaan Lenggeng hingga bersara pada tahun 1972.

Walaupun beliau menjalankan tugas guru besar mulai tahun 1956, beliau hanya lulus kursus perkhidmatan guru besar pada tahun 1962.



Dengan kegigihan dan usaha yang tidak mudah putus asa, beliau telah berjaya lulus Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1967 sebagai calon persendirian.

Pada tahun 1942, iaitu pada masa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Hj. Mohd. Yusof mengajar di Pusat Latihan Rensi Dojo Jepun di Seremban. Satu tahun kemudian (1943), memasuki Maktab Perguruan Tinggi (Jokyo Sniban Gakko) di Singapura. Selepas itu pada tahun 1944, berkhidmat di Pusat Latihan Rensi Dojo Seremban sebagai Penyelia sekolah-sekolah Negeri Sembilan (Bahasa Jepun)

Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Haji Mohd. Yusof berusaha menghidup dan menggerakkan kembali Persekutuan Guru-guru Melayu Negeri Sembilan. Beliau telah memegang jawatan Setiausaha mulai tahun 1945 hingga 1956. Disamping itu beliau ialah salah seorang pengasas penubuhan Kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung, iaitu pada April 1946.

Pada tahun 1947, beliau dengan rakan-rakan yang lain menubuhkan Kumpulan Wang Guru-guru Melayu Negeri Sembilan. Badan itu kemudiannya diserapkan kepada Syarikat Kerjasama Guru-guru Melayu Negeri Sembilan.

Sumbangan lain beliau ialah Menubuhkan Persatuan Guru-guru dan Ibu Bapa (PIBG) yang pertama bagi sekolah-sekolah Melayu Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Samad bin Idris. Pada tahun 1948, menubuhkan pula Tabung Derma Pelajaran Persekutuan Guru-Guru Melayu Negeri Sembilan.

Di peringkat nasional, sumbangan dan jasa yang telah diberi oleh Haji Mohd. Yusof sangat banyak, Selain memperjuangkan taraf pendidikan yang menjadi Dasar Pelajaran Razak 1956, beliau turut terlibat memperjuangkan kedaulatan Bahasa Melayu supaya menjadi bahasa rasmi Tanah Melayu.

Dalam usaha meninggikan taraf profesyen perguruan dan gaji guru sekolah Melayu, beliau telah menjadi wakil Kesatuan Perkhidmatan Guru Melayu Semenanjung (KPGMS) berbincang dengan pihak kerajaan.

Dalam Kongres Guru Melayu Semenanjung 1946, Haji Mohd. Yusof dipilih menjadi wakil KPGMS menyebarkan memorendum kongres kepada ke bawah DYMM Sultan Perak dan DYMM Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

Haji Mohd. Yusof juga terlibat dalam penubuhan tabung kewangan KPGMS sebagai asas untuk mendapatkan "kerusi" Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura. Wang tabung ini kini diamanahkan kepada Universiti Malaya yang ada sekarang.

Tidak ketinggalan Haji Mohd Yusof telah merintis jalan serta usaha mewujudkan hubungan muhibah di antara KPGMS dengan Persatuan Guru-Guru Republik Indonesia (PAGRI). Hasil daripada itu, terbentuk satu jenis kursus secara pos dari Universitas Nasional Indonesia untuk ahli KPGMS.

Ketika berlaku peristiwa mogok penuntut-penuntut SITC Tanjung Malim pada tahun 1948, Haji Mohd Yusof adalah wakil KPGMS untuk membuat penyiasatan.

Dalam bidang Politik, Haji Mohd. Yusof memang tidak asing lagi dalam parti UMNO. Beliau ialah Setiausaha kerja UMNO Negeri Sembilan selama 14 tahun, iaitu dari 1971 hingga 1985.

Sebelum itu beliau hanya menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Seremban dari 1950 hingga 1955, dan AJK UMNO Bahagian Sri Rusa Port Dickson dari tahun 1956 hingga 1960.

Dalam UMNO beliau begitu aktif sehingga terpilih menyertai berbagai-bagai projek besar parti seperti menjadi AJK pembinaan bangunan UMNO Seremban, AJK menubuhkan "Syarikat Telapak" kepunyaan UMNO negeri (1974), Pengerusi Syarikat "MANE", iaitu syarikat kepunyaan UMNO negeri juga, dan kepunyaan Perbadanan Negeri Sembilan, AJK UMNO negeri bagi mengkaji laporan Tan Sri Salleh Abbas (1974-1978)

Di tempat beliau sendiri, iaitu di Lenggeng, Haji Mohd. Yusof bertanggungjawab menubuhkan UMNO cawangan Lenggeng dan menjadi Ketua dari 1980 hingga 1982.

Terdahulu daripada itu, pada tahun 1946 iaitu selepas tamat Perang Dunia Kedua, beliau telah menghidupkan semula kesatuan Melayu Negeri Sembilan yang terhenti akibat perang. Beliau telah menjadi AJK kesatuan tersebut sejak dari tahun 1946 hingga 1957 apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Bersama-sama dengan Dato' Onn Jaafar dan orang Melayu, Haji Mohd. Yusof mengambil bahagian menentang gagasan Malayan Union yang dirancangan oleh Inggeris.

Ketika lawatan Mr. Gammon, seorang ahli Parlimen British ke Negeri Sembilan pada tahun 1946, beliau menjadi AJK perhimpunan orang Melayu Negeri Sembilan melahirkan bantahan ke atas pelaksanaan Malayan Union.

Haji Mohd. Yusof pernah mewakili Kesatuan Melayu Negeri Sembilan bagi menyelesaikan masalah dan mendapatkan pembebasan orang tahanan yang terlibat dalam tragedi pergaduhan dan rusuhan kaum di Batu Kikir, Jempol (1946 - 1949)

Dalam badan susukarela yang lain, terutama yang berkaitan dengan masyarakat, penglibatan serta perkhidmatan yang telah disumbang oleh tokoh ini ialah menjadi AJK derma anak-anak yatim Negeri Sembilan, AJK Majlis Muhibah Negeri Sembilan, ahli Persatuan Sejarah Negeri dari tahun 1946 hingga 1949, serta AJK kemajuan Mukim Lenggeng.

Selain itu, beliau menjadi AJK penerbitan akhbar "Semangat Kemenangan" yang diterbitkan pada zaman darurat 1948. Di samping itu beliau adalah ahli seumur hidup Majlis Jaksa Pendamai cawangan Negeri Sembilan, ahli seumur hidup Persatuan Penyalah Gunaan Dadah (PEMADAM) Negeri Sembilan, dan ahli Persatuan Penulis Negeri (PEN) dari tahun 1946 hingga 1955

Sejak tahun 1980 hingga kini, Haji Mohd. Yusof adalah Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Dato' Klana Putra Lenggeng.

Mengenangkan jasa dan bakti yang begitu banyak dalam pelbagai, Haji Mohd. Yusof telah dianugerahkan berbagai pingat kebesaran.

Mula-mula sekali beliau menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada tahun 1967. Kemudian pada tahun 1968 beliau menerima Pingat Peringatan Malaysia, dan diikuti pada tahun 1972 menerima pula Pingat Khidmat Lama (PKL).

Seterusnya pada tahun 1974 beliau dianugerahkan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN). Selain itu beliau ialah seorang Jaksa Pendamai (JP) yang diperolehinya pada tahun 1978. Anugerahaan paling tinggi yang diperolehi oleh Haji Mohd. Yusof diperingkat negeri ialah kurniaan pingat DSN yang diperolehi pada tahun 1986, dan dalam tahun 1981 beliau terpilih sebagai tokoh guru negeri seterusnya tokoh guru kebangsaan.



**Tokoh Guru/Politik Negeri Sembilan Dan Kebangsaan  
HAJI MOHD. YUSOF BIN BADIN**